



JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

PANDUAN PERMOHONAN STATUS MOTOKAR VINTAJ/KLASIK

Edisi 2026



BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF

PANDUAN PERMOHONAN STATUS MOTOKAR VINTAJ/KLASIK

Permohonan ini bertujuan untuk memberi kelayakan kepada mana-mana kenderaan persendirian yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi memperoleh **pengurangan bayaran Lesen Kenderaan Motor (LKM)**, iaitu sebanyak **90% bagi motokar vintaj** dan **80% bagi motokar klasik**.

1. SYARAT KELAYAKAN UTAMA

- 1.1. Motokar yang berusia tidak kurang **25 tahun bagi kategori Klasik**, atau **50 tahun bagi kategori Vintaj dari tahun dibuat**. Tahun dibuat ditentukan berdasarkan maklumat dalam Sijil Pemilikan Kenderaan (Vehicle Ownership Certificate – VOC).
- 1.2. Motokar (MKR) ditakrifkan sebagai kenderaan motor persendirian yang digunakan untuk membawa penumpang dan bukan daripada jenis badan berikut:
 - a) JIP
 - b) MUV
 - c) PIC
 - d) Motosikal
 - e) Van
- 1.3. Pemilik motokar mestilah warganegara Malaysia.
- 1.4. Motokar mestilah berada dalam keadaan selamat untuk digunakan di jalan raya (roadworthy) dengan semua sistem utama seperti mekanikal, elektrik dan system keselamatan berfungsi dengan baik.
- 1.5. Keadaan fizikal motokar hendaklah kemas dan memuaskan, termasuk bahagian dalaman kabin, dan bahagian luar badan kenderaan.
- 1.6. Pemohon mestilah memiliki sekurang-kurangnya dua (2) kenderaan lain yang didaftarkan atas nama sendiri (tidak termasuk motosikal) dan Lesen Kenderaan Motor (LKM) bagi kenderaan tersebut hendaklah berstatus aktif.
- 1.7. Motokar hendaklah mengekalkan spesifikasi dan reka bentuk asal, sebagaimana dikeluarkan oleh pembuat atau pengeluar asal.
- 1.8. Pengubahsuaian hanya dibenarkan sekiranya bertujuan untuk mengekalkan kecekapan system kenderaan dan tidak menjejaskan keselamatan, serta tidak mengubah spesifikasi asal seperti yang dinyatakan dalam perenggan 1.7.

2. DOKUMEN PERMOHONAN

- 2.1. Senarai dokumen permohonan adalah seperti berikut:
 - a) Borang Permohonan JPJVK.
 - b) Salinan Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC) yang hendak mendapat Status Motokar Vintaj / Klasik.
 - c) Salinan Kad Pengenalan Pemilik / Pemohon.
 - d) Salinan Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC) bagi dua (2) kenderaan lain yang didaftarkan di atas nama pemilik kecuali jenis kenderaan Motosikal.
 - e) Gambar-gambar kenderaan (sudut hadapan, belakang, sisi, bahagian dalaman kenderaan *steering / dashboard*).
- 2.2. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ di Ibu Pejabat atau JPJ Negeri yang berkaitan.

3. ITEM PEMERIKSAAN KENDERAAN

- 3.1. Pemeriksaan keaslian motokar Vintaj dan Klasik ini merangkumi komponen-komponen berikut:
 - a) Spesifikasi Asal.
 - b) Casis Kenderaan Asal.
 - c) Reka bentuk Badan Asal (tidak diubahsuai).
 - d) Sistem Transmisi Asal.
 - e) Komponen utama seperti '*dashboard*' dan '*Steering*' Asal.
- 3.2. Motokar yang lulus akan diberikan Sijil Pengesahan Status Motokar Vintaj / Klasik bagi tujuan pengurangan Lesen Kenderaan Motor (LKM).

4. ARAHAN PENGUATKUASAAN

- 4.1. Tempoh sah laku sijil adalah **lima (5) tahun** dan pembaharuan status vintaj atau klasik perlu mengemukakan permohonan baharu.
- 4.2. Kelulusan status ini akan **terbatal** sekiranya berlaku:
 - a) Pertukaran hak milik kenderaan, atau
 - b) Penukaran nombor pendaftaran (interchange), mengikut mana yang berkaitan.
- 4.3. Tindakan penguatkuasaan akan diambil bagi memastikan motokar yang telah diberikan status vintaj atau klasik **tidak membuat pengubahsuaian khususnya melibatkan steering, rim dan lain-lain komponen**. Status motokar vintaj / klasik ini akan dibatalkan serta merta sekiranya pengubahsuaian dibuat pada motokar tersebut dan pemilik perlu membuat bayaran Lesen Kenderaan Motor (LKM) pada kadar yang asal.